



TEKS UCAPAN

**YB DATUK LIEW VUI KEONG
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG)**

SEMPENA

**MAJLIS AMANAT TAHUN BAHARU 2020
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (UNDANG-
UNDANG)**

13 FEBRUARI 2020 (KHAMIS)

**DEWAN SAKSAMA, ARAS 2, BHEUU
PRESINT 3, PUTRAJAYA**

Terima kasih saudara pengacara majlis,

Salam Sejahtera dan Salam Sayangi Malaysiaku,

YB Tuan Mohamed Hanipa Maidin,

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang),

YBhg. Tan Sri/Dato'/Datuk/Tuan/Puan Ketua-ketua Jabatan di bawah Kluster Kehakiman dan Perundangan serta seterusnya yang saya kasihi semua hadirin sekalian.

MUKADIMAH

1. Syukur pada petang ini kita semua dapat hadir dan berkumpul bagi Program Amanat saya sempena Tahun 2020. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua ketua jabatan dan tuan/puan atas komitmen dan kerja keras menjayakan tugas yang telah dipertanggungjawabkan kepada kita semua sepanjang tahun lalu. Harapan saya agar kita semua bersedia pada tahun ini bagi tugas yang lebih rumit dan mencabar.

2. Tahun 2020 adalah tahun permulaan dekad baharu yang akan membawa pelbagai cabaran. Tahun 2020 seharusnya kita menikmati kejayaan pencapaian Wawasan 2020. Namun kita telah sedikit tersasar. Oleh itu, tahun ini kita mulakan kembali langkah dan landasan baharu

melalui Wawasan Kemakmuran Bersama yang bertunjangkan pembangunan untuk semua, menangani jurang kekayaan dan pendapatan serta pembentukan sebuah negara yang bersatu, makmur dan bermaruah menjelang tahun 2030.

YBhg. Tan Sri/Dato'/Datuk/Tuan/Puan;

3. Peranan teras Kerajaan adalah untuk merangka dasar. Dasar yang bersesuaian boleh menggalakkan pembangunan yang berbentuk partisipatif, dibangun berdasarkan pertimbangan ke atas kehendak semua pihak dan bersifat mampan. Dasar mendorong kepada pembangunan undang-undang dan peraturan bagi memastikan pencapaian matlamat dasar negara yang lebih besar iaitu kesejahteraan, kemakmuran dan perpaduan rakyat. Kedaulatan undang-undang atau *Rule of Law* serta tadbir urus yang baik merupakan pemacu kepada pembangunan sosial dan ekonomi. Sistem dan institusi keadilan yang berkesan dan berperikemanusiaan pula adalah asas kepada pembangunan masyarakat yang menyokong pertumbuhan dan pembangunan.

4. Reformasi politik, sosial dan ekonomi masyarakat moden membawa bersamanya cabaran dan peluang yang memerlukan respons secara kolektif berpandukan kedaulatan undang-undang kerana ia merupakan asas kepada pembentukan masyarakat adil. Kedaulatan undang-undang dan pembangunan mempunyai pertalian yang amat kuat. Keadilan penting untuk kebajikan masyarakat dan bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk pembangunan ekonomi dan kemajuan negara. Ia juga menggalakkan pertumbuhan ekonomi melalui penghapusan rasuah dan tindakan pihak swasta mengaut keuntungan sewenangnyanya dengan mengetepikan kebajikan pengguna.

5. Kedudukan kedaulatan undang-undang di nombor keempat dalam Rukun Negara dengan sendirinya menjelaskan betapa pentingnya prinsip ini di negara kita. Kedaulatan undang-undang bermakna bahawa kerajaan dan rakyat keseluruhannya terikat oleh undang-undang dan wajib mematuhi undang-undang. Sebagai mana yang ditegaskan oleh YAB Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad bahawa “Negara kita ini ada undang-undang yang berkuat kuasa ke atas semua orang”. Sehubungan itu sebagai Menteri yang bertanggungjawab terhadap undang-undang, urusan penggubalan, pindaan dan pemansuhannya adalah menjadi fokus utama saya bagi memperkemas dan memperkukuhkan lagi undang undang negara.

YBhg. Tan Sri/Dato'/Datuk/Tuan/Puan;

PENCAPAIAN TAHUN 2019

6. Di antara kejayaan kita pada tahun lepas bagi agensi-agensi/jabatan-jabatan di bawah Kluster Kehakiman dan Perundangan adalah seperti:

(i) Pembaharuan undang-undang

Kerajaan komited memastikan pelaksanaan undang-undang negara sentiasa ditambah baik dan mengikut peredaran masa.

Pemansuhan Akta Antiberita Tidak Benar 2018 (Akta 803) adalah selaras dengan komitmen Kerajaan bagi memastikan kebebasan dalam proses semak dan imbang terhadap pentadbiran Kerajaan. Kita juga telah memulakan proses libat urus dengan pelbagai pihak sebagai usaha kita untuk merangka **Akta Kebebasan Maklumat**.

Kerajaan ini sentiasa mengamalkan sikap terbuka dan berpegang kepada prinsip kebebasan bersuara untuk semua pihak. Pada masa yang sama, Kerajaan juga tegas dalam memastikan tindakan turut diambil melalui peruntukan undang-undang sedia ada ke atas sesiapa juga yang mengganggu gugat keselamatan negara,

ketenteraman awam dan perpaduan rakyat dengan tindakan-tindakan melampau melalui sebaran maklumat yang salah dan menimbulkan kecemasan di kalangan rakyat.

Kerajaan juga sentiasa mengkaji kesesuaian undang-undang sedia ada terutama undang-undang yang lapuk dan dianggap zalim. Pelaksanaan **kajian hukuman alternatif kepada hukuman mati mandatori** adalah salah satu dari usaha tersebut. Satu jawatankuasa khas telah ditubuhkan bagi mengkaji dan seterusnya mengemukakan syor penambahbaikan kepada Kerajaan terhadap hukuman mati mandatori termasuk sebarang perubahan kepada polisi penghukuman. Jawatankuasa Khas ini telah mengemukakan laporan akhirnya kepada Kerajaan beberapa hari yang lalu.

Pada 7 Ogos 2019 pula secara rasminya negara kita telah menandatangani ***UN Convention on International Settlement Agreements Resulting from Mediation*** di Singapura. Konvensyen ini merupakan wadah bagi pengantaraan antarabangsa dalam memperkukuhkan kerangka perundangan penyelesaian pertikaian secara alternatif di Malaysia.

(ii) Reformasi Parlimen

Pada tahun lepas Kerajaan telah menubuhkan empat lagi **Jawatankuasa Pilihan Khas** menjadikan sepuluh (10) kesemuanya. Jawatankuasa tersebut adalah Jawatankuasa Pilihan Khas Pilihan Raya; Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi Manusia dan Hal Ehwal Perlembagaan; Jawatankuasa Pilihan Khas Hubungan dan Perdagangan Antarabangsa serta Jawatankuasa Pilihan Khas Sains, Inovasi dan Alam Sekitar. Jawatankuasa-jawatankuasa tersebut yang dianggotai oleh ahli Parlimen dari pelbagai parti merupakan komitmen untuk memperkukuhkan fungsi institusi Parlimen yang lebih telus, diyakini, mencerminkan kehendak rakyat serta sejajar dengan aspirasi reformasi memperkasakan gagasan Malaysia Baharu.

Di samping itu, **Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia** atau **All-Party Parliamentary Group Malaysia (APPGM)** turut ditubuhkan. APPGM merupakan platform bagi membincang, meneliti dan mengemukakan laporan cadangan kepada Parlimen atau jawatankuasanya ke atas suatu topik kepentingan bersama dalam kalangan Ahli Parlimen Dewan Rakyat dan senator Dewan Negara,

serta pihak luar seperti ahli akademik, golongan profesional, organisasi bukan Kerajaan (NGO) dan sebagainya.

Dalam satu langkah yang tidak pernah diambil sebelum ini, Kerajaan pada tahun lepas juga telah membawa satu usul yang dibentang dan diluluskan di Parlimen bagi kesemua Ahli Parlimen mengisytiharkan harta mereka dengan satu salinan dipanjangkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Malah kesemua Menteri termasuk YAB Perdana Menteri sendiri telah mengisytiharkan harta mereka secara umum. Ini merupakan antara langkah-langkah serius yang diambil oleh Kerajaan bagi membasmi gejala rasuah.

Tahun lepas juga bersejarah dalam menyaksikan buat julung kalinya pelantikan ahli Parlimen Pembangkang sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC). Ini adalah bagi memastikan PAC terus memainkan peranan semak dan imbang yang lebih berkesan.

(iii) **Perkara-perkara Berkaitan Hak Asasi Manusia**

Pada 5 Disember 2019, buat julung-julung kalinya juga di Parlimen, kita telah dapat **membentang dan membahaskan Laporan Tahunan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) 2018**. Ahli-ahli Parlimen telah membahaskan pelbagai isu hak asasi manusia untuk diberi perhatian yang sewajarnya termasuk syor yang dikemukakan oleh SUHAKAM dan orang ramai. Pembentangan dan perbahasan laporan SUHAKAM ini adalah bukti betapa seriusnya Kerajaan untuk menyelesaikan pelbagai masalah berkaitan hak asasi manusia di Malaysia.

Pertengahan tahun lepas kita telah mula **mengambilalih fungsi penyelarasan hal-hal berkaitan hak asasi manusia** dari Jabatan Integriti dan Tadbir Urus Negara (JITN) yang kini telah bernaung di bawah Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC). Sehubungan itu, fasa pemantauan pelaksanaan Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia (*National Human Rights Action Plan* atau NHRAP) kini dilaksanakan oleh BHEUU dengan mewujudkan kerjasama strategik bersama Kementerian Luar Negeri (KLN) melalui penggabungan matriks *Universal Periodic Review* (UPR) dan NHRAP. Langkah ini merupakan sebahagian strategi

penambahbaikan berterusan terhadap mekanisme pelaporan NHRAP di antara Agensi Kerajaan. Ia juga akan membantu penyediaan pelaporan negara berkaitan hak asasi manusia semasa UPR di bawah Majlis Hak Asasi Manusia yang berfungsi menyemak rekod hak asasi manusia di kalangan negara-negara ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Kerajaan juga amat komited dalam memastikan syarikat-syarikat perniagaan yang beroperasi di dalam dan luar negara untuk sentiasa mendokong prinsip hak asasi manusia. Di antara aktiviti yang telah kita anjurkan ialah Program Kesedaran Kepentingan Hak Asasi Manusia di dalam Perniagaan pada 28 Februari 2019 bersama pakar-pakar berkaitan serta Sesi Dialog Peringkat Antarabangsa bersama pakar-pakar pada 24 Jun 2019. Satu *Business and Human Rights Dialogue* bertemakan *Toward a Malaysian National Action Plan: Lesson Learnt from Belgium and Netherlands* juga telah diadakan pada 6 November 2019.

(iv) **Pelantikan Hakim**

Tahun lepas juga menyaksikan sejarah pelantikan **wanita pertama sebagai Ketua Hakim Negara** pada 2 Mei 2019 melalui pelantikan Tan Sri Tengku Maimun Tuan Mat sebagai Ketua Hakim Negara yang baharu. Badan Kehakiman sekali lagi melakar sejarah apabila Datuk Rohana Yusuf, dilantik sebagai Presiden Mahkamah Rayuan yang baharu, menjadikan beliau wanita pertama memegang jawatan kedua tertinggi dalam Badan Kehakiman negara. Mahkamah Persekutuan turut memberi pelantikan kepada sembilan orang hakim, dengan lima daripadanya adalah hakim wanita. Pada masa ini terdapat enam wanita yang memegang jawatan hakim mahkamah tertinggi negara daripada 13 hakim.

(v) **Penambahbaikan Penyampaian Perkhidmatan**

Kita juga telah membuat beberapa penambahbaikan sistem penyampaian kepada *stakeholders* dan rakyat seperti beroperasinya **Kompleks Mahkamah Baharu Kota Bharu**, Kelantan yang telah berjaya disiapkan lebih awal dari jadual asal dengan penjimatan kos kontrak sebanyak RM 3 juta di samping beroperasinya **Mahkamah Baharu Muar Johor**. **Mahkamah Kota Kinabalu** juga telah siap sepenuhnya dan telah pun beroperasi.

Mahkamah Kota Kinabalu turut menjadi pelopor sebagai mahkamah pertama di negara ini yang menggunakan aplikasi teknologi kecerdasan buatan (*Artificial Intelligence, AI*) dalam menjatuhkan hukuman kepada tertuduh. Aplikasi tersebut telah dilancarkan pada 17 Januari 2020 yang lalu semasa pembukaan Tahun Perundangan Sabah dan Sarawak. Aplikasi ini akan digunakan untuk kes membabitkan pertuduhan di bawah seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 bagi kesalahan memiliki dadah dan seksyen 376 Kanun Keseksaan untuk kesalahan rogol. Teknologi ini dapat membantu Hakim dan Majistret membuat analisa hukuman yang sesuai untuk dijatuhkan kepada tertuduh. Di samping itu, ia dapat membantu mengurangkan jurang hukuman dan memastikan kesamarataan serta konsistensi hukuman yang dijatuhkan kepada tertuduh.

Perkhidmatan ***Urban Mobile Court*** turut diperluaskan lagi perkhidmatannya di Sabah dan Sarawak. Modul *e-Review* dan sidang video membolehkan pendengaran kes dibuat dalam talian di antara mahkamah, pendakwaraya dan peguam di lokasi yang berbeza.

Bangunan Parlimen turut dinaik taraf dan diubah suai untuk keselesaan Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai kerajaan dan warga kerja Parlimen. Parlimen turut menyediakan aplikasi mudah alih bagi mengakses maklumat Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Negara, acara rasmi Parlimen, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC), permohonan lawatan dan sebagainya.

Sebuah kedai **serbaneka pintar yang pertama di dunia**, Ximplicity Smart Convenience Store, telah dilancarkan 5 Julai 2019. Kedai ini beroperasi 24 jam tanpa perlu dioperasi oleh kakitangan, dikendalikan dengan sistem identifikasi produk yang membolehkan stok barangan disemak hanya berdasarkan imej barangan yang diimbas serta dilengkapi dengan sistem keselamatan. Menyedari bahawa Parlimen hari ini terdiri dari ramai ahli-ahli yang muda (berumur di bawah 45 tahun) yang mewakili 25 peratus ahli di Dewan Rakyat dan 15 peratus ahli Dewan Negara, Parlimen juga telah menyediakan kemudahan taska untuk ahli-ahli Parlimen dan warga kerja Parlimen yang memerlukan perkhidmatan penjagaan anak-anak.

(vi) **Tugasan Khas MA63**

Kita juga melalui BHEUU telah diberi kepercayaan untuk menubuhkan satu **Task Force Bagi Menyemak Pelaksanaan Perjanjian MA63**. *Task Force* ini yang beroperasi selama 11 bulan telah ditubuhkan bagi membantu Kerajaan memuktamadkan semakan pelaksanaan perjanjian MA63 di mana 17 dari 21 isu yang dibangkitkan telah mendapat persetujuan bersama dari segi pelaksanaan hala tuju. Satu Majlis Khas yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dan diurus setiakan oleh Jabatan Perdana Menteri serta dianggotai oleh YAB Ketua Menteri Sabah dan YAB Ketua Menteri Sarawak akan seterusnya bertindak memantau pelaksanaan keputusan-keputusan tersebut.

(vii) **Lain-lain Pencapaian**

Seramai 23,797 orang bankrap telah dapat dilepaskan menerusi Sijil Pelepasan Ketua Pengarah Insolvensi, manakala aset yang dapat dihasilkan bagi kes kebangkrapan adalah bernilai sebanyak RM 56.5 juta yang telah dapat diagihkan kepada pemiutang untuk pembayaran dividennya.

Sepanjang tahun lepas Bahagian Perlindungan (BP) telah banyak memberikan taklimat kepada agensi penguatkuasaan secara bersemuka, seminar, bengkel dan sesi dialog. *Outreach* telah juga dibuat ke pejabat-pejabat kontinjen PDRM serta khidmat nasihat kepada masyarakat berkaitan Akta Perlindungan Saksi 2009.

Pada tahun lalu juga kita telah berjaya membuat pendengaran kes berkaitan representasi dan kajian semula kes, iaitu sebanyak 4,042 kes di Lembaga Penasihat (LP), yang kebanyakannya adalah berkaitan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 dan Akta Pencegahan Jenayah 1959.

7. Banyak lagi kejayaan kita pada tahun 2019 yang tidak dapat saya sebutkan satu persatu pada petang ini. Namun terdapat dua lagi pencapaian yang perlu saya menekankan pada petang ini.

Iaitu pencapaian Malaysia dalam Corruption Perception Index 2019 oleh Transparency International di mana negara kita telah melonjak naik sebanyak 10 tempat. Dan juga pencapaian Malaysia dalam Global Democracy Index 2019 oleh Economist Intelligence Unit di mana Malaysia telah mencapai posisi yang terbaiknya dalam sejarah negara manakala banyak negara yang lain telah jatuh dalam kedudukan Index tersebut.

Kedua-dua Indeks ini mencerminkan kejayaan dan betapa efektifnya usaha-usaha Kerajaan dalam membanteras gejala rasuah dan mempromosikan governans negara yang lebih baik. Pencapaian negara yang cemerlang ini akan mengembalikan kepercayaan masyarakat antarabangsa kepada Malaysia dan akan menggalakan syarikat-syarikat dan negara-negara lain untuk melabur dalam negara kita sejurusnya memacu ekonomi negara dan menambaikkan kehidupan semua.

Secara umumnya, saya berpuas hati atas pencapaian agensi-agensi di bawah portfolio saya pada tahun lepas yang merupakan juga hasil usaha gigih semua pegawai dan anggota di jabatan-jabatan dan agensi-agensi masing-masing. Tahniah semua dan terus tingkatkan lagi usaha dan kejayaan tuan/puan semua.

YBhg. Tan Sri/Dato'/Datuk/Tuan/Puan;

PERANCANGAN TAHUN 2020

8. Pada tahun ini di bawah portfolio saya, kita juga telah merancang untuk melaksanakan beberapa tugas penting, di antaranya:

(i) **Pembaharuan undang-undang**

Beberapa **pindaan kepada Kanun Keseksaan dan Kanun Tatacara Jenayah** yang memasukkan peruntukan untuk ***stalking*** dan ***harrasment*** akan dilaksanakan pada tahun ini di samping semakan terhadap Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711) dan penggubalan Akta Kebebasan Maklumat yang telah saya sentuh juga tadi.

Pada tahun ini dan tahun-tahun berikutnya akan dibuat beberapa kajian, pemansuhan atau pun pembaharuan undang-undang yang mana ditafsirkan oleh kerajaan sebagai undang-undang yang telah lapuk dan zalim kepada masyarakat. Di antaranya undang-undang yang berkaitan dengan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA), Akta Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2014 (POCA), Akta Pencegahan Keganasan 2015 (POTA), Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC), Akta Kebebasan Maklumat dan lain-lain lagi.

Pembaharuan dan reformasi perundangan negara, walau bagaimanapun, menuntut pelbagai cabaran yang tinggi seperti memerlukan penelitian, kajian terperinci dan membabitkan kerjasama daripada pelbagai pihak yang berkaitan, termasuklah

anggota masyarakat. Pelbagai faktor perlu diambil kira kerana proses penggubalan, pindaan dan pemansuhan sesuatu undang-undang sememangnya rumit, perlu kesabaran dan kadang kala memerlukan masa yang panjang. Bagi membantu usaha Kerajaan untuk menambahbaik sistem perundangan negara khususnya dalam merangka undang-undang baharu serta menambahbaik undang-undang sedia ada, Kerajaan telah bersetuju dengan cadangan penubuhan **Suruhanjaya Undang-Undang Malaysia**. Suruhanjaya ini akan bertindak mengkaji dan mengesyorkan pembaharuan undang-undang negara agar lebih teratur dan berkesan melalui sesi-sesi konsultasi dan libat urus dengan pelbagai pihak sehingga akar umbi bagi memastikan sesuatu undang-undang yang akan digubal bersifat holistik, mengambilkira kepentingan semua pihak, jelas dan telus.

(ii) **Perkara Berkaitan Hak Asasi Manusia**

Pada tahun 2020 ini juga akan terus dibahas dan diperdebatkan lagi laporan tahunan SUHAKAM di Parlimen. Kerajaan terus komited serta memandang serius isu-isu yang berkaitan dengan Perniagaan dan Hak Asasi Manusia. Pelbagai inisiatif berbentuk libat urus, konsultasi, bengkel dan persidangan akan terus diadakan ke arah

penyediaan **Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia dan Perniagaan** (*National Action Plan on Business and Human Rights* atau NAPBHR) melalui kolaborasi dengan pihak SUHAKAM, *United Nations Development Programme* (UNDP), kementerian-kementerian, pihak perniagaan dan juga masyarakat madani. Pelan ini adalah bukti, iltizam dan komitmen Malaysia di mata dunia untuk memastikan semua syarikat perniagaan negara ini mendokong hak asasi manusia.

(iii) **Penambahbaikan Penyampaian Perkhidmatan**

Pembangunan fizikal di Bangunan Parlimen juga akan terus rancak dilakukan pada tahun ini seperti projek kerja-kerja naiktaraf dan baikpulih Fasa 3B, menaik taraf kemudahan sedia ada seperti *lounge* ahli parlimen, perpustakaan, kafeteria, surau, *business centre* dan beberapa kemudahan rekreasi.

Pada tahun 2020 sebanyak 120 projek naik taraf mahkamah seluruh Malaysia akan terus dilaksanakan. Untuk ini, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi telah bersetuju meluluskan peruntukan sebanyak RM120 juta secara *one off* bagi menaik taraf dan membaik pulih mahkamah untuk keselesaan warga kerja mahkamah seluruh negara dan juga semua pihak yang berurusan dengan mahkamah. Di samping itu,

sebanyak 18 lokasi pembangunan mahkamah baharu turut dirancang dan akan dilaksanakan dalam tempoh RMKe-12 (2021-2025).

Tahun ini juga akan dibangunkan Sistem Bantuan Guaman (iGuaman) bagi Jabatan Bantuan Guaman (JBG) dan penambahbaikan Sistem Insolvensi Bersepadu (INSIST) bagi Jabatan Insolvensi Malaysia yang akan memudahkan rakyat berurusan dengan Kerajaan. Kita juga akan menambahbaik sistem penyampaian kehakiman menerusi e-Kehakiman dengan penggunaan teknologi maklumat, khususnya perluasan modul e-*Review*, e-Lelong, sistem e-Jamin, e-*Appellate* dan pembangunan aplikasi melalui telefon pintar.

Saya juga berharap kita akan terus menambahbaik perkhidmatan dalam kluster kehakiman dan perundangan dengan memanfaatkan teknologi maklumat termasuklah penggunaan *Artificial Intelligence* (AI) serta *Machine Learning* (ML). Pada masa ini, AI dengan menggunakan keupayaan dan kuasa ML telah memberi impak yang sangat besar pada banyak industri melalui keupayaan pengumpulan data berskala besar dan penjanaan maklumat yang boleh digunakan untuk pembuatan keputusan. Perkembangan terkini penggunaan AI

dalam perundangan termasuklah *due diligence* bagi mendapatkan maklumat atau melaksanakan kajian perundangan, teknologi peramalan (*predictive technology*) menggunakan perisian AI untuk menganalisis data bagi meramal keputusan atau *outcome* sesuatu litigasi, *legal analytics* bagi menganalisis trend dan corak, penggunaan teknologi dalam mahkamah, automasi dokumen, harta intelek dan banyak lagi.

(iii) Lain-lain Inisiatif

Pada tahun ini juga, Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan (SPKP) akan melaksanakan beberapa inisiatif dan pembaharuan seperti menambah baik syarat lantikan Skim Perkhidmatan Pegawai Undang-Undang, menambah baik urusan pemangkuan dan kenaikan pangkat, memantapkan peluang kemajuan kerjaya Skim Pegawai Undang-Undang, memantapkan sistem ICT dan menambah baik penyampaian perkhidmatan.

Bahagian Perlindungan pula akan terus memperkasa imej korporat agensi selain melaksanakan dengan jayanya Akta Perlindungan Saksi 2009 khususnya Akta 696 kepada masyarakat. BP sentiasa berazam memberikan perkhidmatan yang berkualiti dengan

memperkasa *Standard Operating Procedure* (SOP) serta mengambil inisiatif mewujudkan hubungan dengan badan-badan antarabangsa yang melaksanakan program perlindungan saksi yang terbaik.

Sebanyak 92 latihan akan dilaksanakan oleh ILKAP pada tahun ini dengan peruntukan sebanyak RM1.1 juta bagi meningkatkan lagi kemahiran warga kerja kita dan seterusnya lain-lain lagi tugas kita pada tahun 2020 ini yang tidak dapat saya sebutkan. Semuanya yang perlu kita semua usaha dan selesaikan dengan sempurnanya.

PENUTUP

9. Saya harap agar kejayaan-kejayaan yang telah saya senaraikan tadi akan dapat menjadi pemangkin (*catalyst*) kepada kita semua untuk berusaha dengan lebih bersungguh-sungguh lagi bagi tugas kita seterusnya. Namun, kita tidak boleh leka atau *rest on our laurels*. Di dalam kita menuju aspirasi untuk menjadi negara makmur dan sejahtera, setiap orang dari kita perlu bekerja keras. Kita tidak boleh bergantung kepada orang lain. Kita sendiri yang harus memikul tanggungjawab membangun dan membina negara kita.

10. Marilah kita semua bekerja dengan lebih gigih lagi agar semua yang dirancang pada tahun 2020 ini dapat kita laksanakan dengan jayanya dalam erti kata yang sebenar-benarnya. Semoga tahun 2020 ini akan dapat memberi semangat dan azam baharu kepada kita semua untuk menggalas semua amanah dan tanggungjawab dengan lebih komited dan lebih berjaya lagi.

11. Selamat maju jaya semua. Sekian terima kasih.